


KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Peranti pantau anak autisme, hiperaktif	Berita Harian
2.	CyberSecurity Malaysia, KISA tandatangani MOU perkukuh kerjasama keselamatan siber	BERNAMA
3.	CYberSecurity Malaysia, KISA sign MoU to strengthen collaboration in Cyber Security	BERNAMA
4.	19 vendor terima sijil	Utusan Malaysia
5.	19 vendor companies get local, international certifications	BERNAMA
6.	Technology Park Malaysia Partners SBA Korea In Co-Incubation Programmes	BERNAMA
7.	Polis siasat unsur sabotaj punca pencemaran sungai	BERNAMA
8.	Pembungkus minyak masak guna tong diragui status halal untuk jimat kos	BERNAMA
9.	Sarawak dijangka tidak alami banjir terus – APM	BERNAMA
10.	Flash floods hit Taman Negri Baru	The Sun
11.	Angin kencang, laut bergelora sehingga Sabtu	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (INOVASI) : MUKA SURAT 31
TARIKH: 4 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)




Fakta nombor

9,000
BUDAK

autism dilahirkan setiap tahun

BH PLUS
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

[FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT/BH]



Dr Noordin menunjukkan peranti MOSTI Track Autism.

Peranti pantau anak autisme, hiperaktif

➔ **Projek ANGKASA dikenal MOSTI Tack Autism guna teknologi navigasi satelit**

Oleh Norzamira Che Noh
bnnews@bh.com.my

Shah Alam

Ibu bapa yang dikurniakan anak dengan kekurangan keupayaan mental seperti autisme, hiperaktif dan sindrom down, pasti risau membiarkan insan tersayang, berada jauh daripada pandangan atau pengawasan mereka.

Kebanyakannya bimbang insan tersayang terdedah kepada sebarang kesulitan ketika di luar pengawasan. Sikap itu juga membolehkan ada keluarga mengurung atau menyembunyikan insan kurang upaya terabit di dalam rumah.

Menyedari kerisauan ibu bapa, Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) tampil dengan inovasi membolehkan anak istimewa khususnya autisme, diawasi secara jarak jauh supaya keselamatan mereka lebih terjamin.

Ketua Pengarah ANGKASA, Dr Noordin Ahmad, berkata ATTracT (Autism Trigger, Tracking and Trace) atau lebih dikenali sebagai MOSTI Track Autism, dibangunkan khusus untuk tujuan keselamatan dengan anak autisme sebagai kumpulan sasaran kajian sebelum dikembangkan kepada kelompok lain.

Projek perintis

"Kami memilih kanak-kanak autisme sebagai projek perintis kerana jumlah mereka agak ramai, membabitkan kira-kira 9,000 bayi dilahirkan mengalami autisme setiap tahun.

"Golongan ini sukar berkomunikasi dan sering berada dalam dunia mereka sendiri. Hal itu secara tidak langsung menimbulkan kerisauan kepada ibu bapa terutamanya ketika tidak bersama anak mereka," katanya ketika ditemui di sini.

Dr Noordin berkata, berkata, MOSTI Track Autism adalah sistem

yang dibangunkan menerusi Inovasi Sosial MOSTI (MSI) menggunakan teknologi navigasi satelit dan diintegrasikan dengan teknologi komunikasi mudah alih.

"Menerusi sistem ini, kanak-kanak akan dipaparkan dengan alat pengesanan satelit navigasi GPS berbentuk jam tangan dan ibu bapa dapat mengesan lokasi kedudukannya pada setiap masa melalui aplikasi di telefon pintar," katanya.

Dr Noordin berkata, menerusi aplikasi berkenaan ibu bapa juga boleh menentukan zon kawasan maya serta tempoh waktu untuk aktiviti harian anak mereka.

Katanya, bagi memastikan pergerakan kanak-kanak berkenaan dapat dikesan segera, satu notifikasi menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) akan diterima empat individu yang mempunyai akses kepada sistem itu, pada masa yang sama sebaik sahaja kanak-kanak autisme berkenaan keluar dari zon ditetapkan.

"Selain ibu bapa, dua lagi individu yang sentiasa berada bersama anak mereka boleh menjadi penerima notifikasi contohnya guru sekolah serta penjaga. Secara tidak langsung ini akan mengurangkan risiko kemalangan

terhadap anak istimewa itu," katanya.

Noordin berkata, MOSTI Track Autism amat mudah diguna pakai dan ibu bapa hanya perlu memuat turun aplikasi dari sumber yang dimaklumkan ANGKASA menerusi telefon pintar mereka.

Zon interaksi

"Saya percaya, 80 peratus daripada rakyat negara ini memiliki telefon pintar. Justeru, mereka hanya perlu menetapkan zon interaksi atau tempat tertentu seperti rumah, sekolah atau taman permainan di dalam telefon mereka dan ia akan terus berhubung secara automatik dengan jam yang dipaparkan kepada anak autisme.

"Produk ini akan dikomersilkan selepas tamat program penyelidikan inkubasi selama enam bulan di Eropah dan apabila ia sudah berada di pasaran, aplikasi untuk telefon pintar juga akan tersedia untuk dimuat turun," katanya.

Beliau berkata, ketika ini, ANGKASA sedang menjalankan kajian dengan terhadap 40 kanak-kanak autisme dengan kerjasama Pusat PERMATA Kurnia untuk mengkaji prototaip sistem terabit dan maklum balas kajian akan diterima Februari tahun hadapan.

Lebih menarik, inovasi ANGKASA itu turut mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu muncul juara dalam Pertandingan Aplikasi Satelit Navigasi Eropah 2016.

Produk berkenaan menerima anugerah khas BELS Special Prize dalam pertandingan yang dianjurkan Suruhanjaya Eropah (European Commission - EC), Agensi Angkasa Eropah, dan Agensi Navigasi Global, Sistem Satelit Eropah itu.

Kejayaan produk penyelidikan berkenaan membolehkan penyelidikan menjalankan program inkubasi di Eropah selama enam bulan untuk menyiapkan produk terabit sebelum dikomersilkan di pasaran.

"Setakat ini, kami masih belum menerima tarikh serta tentatif program berkenaan, bagaimana pun kajian lanjut selama enam bulan di sana akan membantu memantapkan lagi produk ini.

"Kami juga mendapat permintaan untuk menghasilkan sistem produk yang sama untuk pesakit Alzheimer, pendaki gunung serta nelayan untuk memudahkan mereka dikesan jika hilang atau sesat," katanya.



CyberSecurity Malaysia, KISA Tandatangani MOU Perkukuh Kerjasama Keselamatan Siber

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- **CyberSecurity Malaysia** dan Korea Internet & Security Agency (KISA) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memudah dan meningkatkan kerjasama dalam bidang keselamatan siber.

Kedua-dua agensi itu bersetuju bertukar-tukar, memaju dan mengkonsolidasi ilmu dan pengalaman dalam hal insiden keselamatan siber dan pengurusan respons, serta pengurusan ancaman dan risiko, latihan dan kewaspadaan, penyelidikan dan pembangunan, dan perlindungan infrastruktur maklumat kritikal.

Kedua-dua pihak juga bersetuju bertukar-tukar sumber manusia bagi memudahkan pembangunan keselamatan siber nasional, rangka kerja perundangan dan kawal selia yang beraskan latihan, penyelidikan dan pembangunan dan secara bersama memberi respons terhadap ancaman siber.

Ketua Eksekutif CyberSecurity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab berkata aturan dengan rakan Korea Selatan itu akan memperkukuh usaha kedua-dua agensi itu di rantau ini.

"Dalam dunia tanpa sempadan yang kita diami hari ini, kerjasama antarabangsa semakin penting bagi menghalang ancaman yang wujud bersamanya," kata beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Amirudin dan Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif KISA, Keeseung Baik menandatangani MoU itu bagi pihak agensi masing-masing.

MOU itu ditandatangani semasa lawatan rasmi KISA ke pejabat CyberSecurity Malaysia pagi ini.

CyberSecurity Malaysia adalah agensi di bawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** yang berusaha aktif mengadakan kolaborasi antarabangsa, dalam tindakannya untuk mewujudkan dan memelihara ruang siber yang lebih selamat demi memupuk kelestarian nasional, kebajikan sosial dan pembinaan kekayaan.

-- BERNAMA



CyberSecurity Malaysia, KISA Sign MoU To Strengthen Collaboration In Cyber Security

KUALA LUMPUR, Nov 3 (Bernama) -- **CyberSecurity Malaysia** and Korea Internet & Security Agency (KISA) today signed a Memorandum of Understanding (MoU) to facilitate and enhance cooperation in the field of cyber security.

The two agencies agreed to exchange, develop and consolidate their knowledge and experiences in areas of cyber security incidents and response management, threats and risk management, training and awareness, research and development, and critical information infrastructure protection.

Apart from that, both also agreed to exchange human resources to facilitate the development of national cyber security legal and regulatory frameworks based on training, research and development and to mutually respond to cyber threats.

CyberSecurity Malaysia Chief Executive Dr Amirudin Abdul Wahab said the arrangement with their South Korean counterpart will strengthen the efforts of both agencies to protect cyber security in both countries and in the region.

"In a borderless world we are living today, international cooperation is increasingly important to mitigate threats that comes with it," he said in a statement here today.

Amirudin and the President and Chief Executive Officer of KISA, Keeseung Baik signed the MoU for their respective agencies.

The MOU was signed during KISA's official visit to CyberSecurity Malaysia's office this morning.

CyberSecurity Malaysia is an agency under the **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** that seeks international collaboration, be it bilateral or multilateral, in its effort to create and sustain a safer cyberspace to promote national sustainability, social well-being and creation of wealth.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 4 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)



AHMAD MASLAN (dua, kiri) dan Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof (kiri) bersama penerima sijil penghargaan pada Program Peningkatan Daya Saing Vendor SIRIM MITI 2014 2016 di Shah Alam, semalam. - BERNAMA

19 vendor terima sijil

SHAH ALAM 3 Nov. - Sebanyak 19 syarikat vendor yang menyertai Program Peningkatan Daya Saing Vendor Melalui Inovasi (PPDSVI) SIRIM-MITI mulai 2014 hingga 2016, menerima pensijilan di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam satu majlis di sini hari ini.

Syarikat daripada pelbagai bidang, termasuk pembinaan, teknologi maklumat, perisian marin, perisian simulator dan kad pintar itu merupakan vendor kepada lapan syarikat anchor, iaitu Boustead Naval Shipyard, Telekom Malaysia, Proton, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Chemical Company of Malaysia, Pharmaniaga, Celcom Axiata dan Petronas.

Sebanyak lima syarikat dianugerahkan pensijilan One Innocert (Innocert); lima syarikat menerima pensijilan ISO9001:2008; empat syarikat mendapat pensijilan 5S sementara lima syarikat lagi berjaya mengikuti program pengukuhan inovasi yang menyediakan syarikat ke arah program pensijilan Innocert.

Sijil berkenaan disampaikan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan. Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof turut hadir.

Ahmad dalam ucapannya berkata, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), MITI menyasarkan tiga kategori, iaitu jaguh tempatan, jaguh serantau dan jaguh antarabangsa di bawah Program Pembangunan Vendor (PPV).

Beliau berkata, bagi 2016, MITI mendapat peruntukan sebanyak

RM6.54 juta, di mana RM3 juta sebagai Geran Penyelidikan dan Pengkomersilan Vendor (GPPV) dan RM3.54 juta lagi untuk Program Pembangunan Kapasiti Vendor (PPKV) Bumiputera.

"MITI bekerjasama dengan tiga agensi teknikal iaitu SIRIM Berhad, Perbadanan Produktiviti Malaysia dan Taman Teknologi Malaysia.

"Ke arah mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PPV RMK-11, MITI melantik empat lagi agensi teknikal, iaitu Pusat Pembangunan Usahawan dan Penyelidikan; SMECorp; Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Institut Pengangkutan Malaysia," katanya.

Menurut Ahmad, sejak pelaksanaan PPV, sebanyak 18 syarikat anchor telah melaksanakan program itu melibatkan 1,409 syarikat vendor Bumiputera yang aktif dengan nilai perolehan bagi Januari sehingga Jun lepas sebanyak RM2.2 bilion.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, Program Peningkatan Daya Saing Vendor SIRIM-MITI dibangunkan khusus untuk mentransformasi syarikat vendor bagi mencapai 'kemampuan diri' dan membolehkan mereka berdaya saing untuk memasuki pasaran tempatan dan luar negara.

"Ini adalah dengan memasukkan ciri-ciri inovasi dalam perancangan serta mengambil kira aspek pembangunan syarikat vendor secara total.

"Dalam program vendor ini kami menawarkan latihan teknikal, pensijilan, pengujian produk serta pengukuhan inovasi," katanya. - BERNAMA



19 Vendor Companies Get Local, International Certifications

SHAH ALAM, Nov 3 (Bernama) -- A total of 19 vendor companies that participated in the Sirim-MITI Vendor Competitiveness Improvement Through Innovation Programme for 2014-2016 period received their local and international certifications today.

The companies are involved in various sectors including construction, information technology, marine software, simulator software and smart card are vendors for eight anchor companies involved in the programme.

The anchor companies are Boustead Naval Shipyard, Telekom Malaysia, Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd, Keretapi Tanah Melayu Bhd, Chemical Company of Malaysia, Pharmaniaga, Celcom Axiata and Petronas.

Five companies received the 1-InnoCERT certification; five got the ISO9001:2008 certification; four awarded the 5S certification; while another five successfully completed the innovation strengthening programme that prepare companies for the 1-InnoCERT certification.

International Trade and Industry Deputy Minister Datuk Ahmad Maslan presented the certification to the vendor companies here.

Also present was **Sirim Bhd President and Group Chief Executive Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof.**

Earlier in his speech, Ahmad said in the 11th Malaysia Plan (11MP), the Ministry of International Trade and Industry (MITI) had targeted three categories - local champion, regional champion and international champion, under the vendor development programme (VDP).

For 2016, he said MITI had received an allocation of RM6.54 million under the 11MP, whereby RM3 million was set aside for Vendor Research and Commercialisation Grant and RM3.54 million for Bumiputera Vendor Capacity Development Programme.

"MITI has collaborated with three technical agencies, namely Sirim, Malaysia Productivity Corporation and Technology Park Malaysia.

"To achieve the VDP key performance indicators under 11MP, MITI has appointed four more technical agencies - Centre for Entrepreneur Development and Research under SME Bank; SME Corp Malaysia; Construction Industry Development Board, as well as Malaysia Institute of Transport under Universiti Teknologi Mara," he said.

Ahmad said since the implementation of the VDP, a total of 18 anchor companies had undertaken programmes involving 1,409 active Bumiputera vendor companies with a procurement value of RM2.2 billion from January-June this year.

Meanwhile, Zainal Abidin said the Sirim-MITI Vendor Competitiveness Improvement Programme was developed especially to transform the vendor companies in preparing them towards self-sustainability to enable them to penetrate local and overseas markets.

"This is by including innovation features in planning, as well as implement programmes that take into account the aspects of vendor development comprehensively," he said.

-- BERNAMA



Technology Park Malaysia Partners SBA Korea In Co-Incubation Programmes

KUALA LUMPUR, Nov 2 (Bernama) -- **Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM)** plans to develop soft landing or co-incubation programmes to vitalise the industry clusters of Information and Communications Technology (ICT), biotechnology and life sciences, advanced engineering and green technology.

TPM yesterday signed a Memorandum of Understanding (MoU) with Seoul Business Agency (SBA), which manages South Korea's Digital Media City.

"The co-incubation concept provides an enviable platform for incubation centres, technology parks or universities locally and internationally to share their resources in contributing towards the development of a startup.

"By applying the co-incubation concept, incubation centres will be able to operate more effectively at much lower cost, while utilising readily-available resources," TPM Chairman Datuk Ahmad Fauzi Zahari said in a statement.

The TPM-SBA collaborative effort is set to spur greater cooperation in mutually creating win-win smart partnerships between South Korean and Malaysian startups and enterprises, he said.

Activities for collaboration include developing co-incubation programmes for incubatees or Small and Medium Enterprises from both sides; handholding activities for access to market, funding, technology and experts; specialisation assistance and use of shared facilities during business exploration; and business advisory related to local business situation.

To date, TPM has established co-incubation programmes with Hong Kong, Indonesia, Singapore, the Philippines, Thailand, Vietnam and South Korea.

-- BERNAMA



Polis Siasat Unsur Sabotaj Punca Pencemaran Sungai

PETALING JAYA, 3 Nov (Bernama) -- Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menerima beberapa laporan berkenaan pencemaran Sungai Buah di Nilai, Negeri Sembilan yang mengalir ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih, termasuk dakwaan pencemaran adalah disebabkan sabotaj pihak tertentu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata pihaknya sedang menjalankan siasatan berhubung perkara berkenaan.

"Ya, kami ada terima laporan (punca pencemaran Sungai Buah) dan antara punca pencemaran adalah kemalangan melibatkan sebuah lori tangki yang membawa sejenis bahan kimia.

"Itu adalah salah satu puncanya dan kami juga bekerjasama dengan **Jabatan Kimia** untuk mengenal pasti sebab-sebab lain punca pencemaran sungai itu, termasuk kemungkinan adanya unsur sabotaj," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program 'Mengatur Langkah Menangani Jenayah Berat' anjuran Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan PDRM, di sini hari ini.

Pada 29 Okt lepas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata siasatan bersepadu akan dilakukan secepat mungkin bagi mengenal pasti punca pencemaran di sungai itu.

LRA Sungai Semenyih ditutup lebih lima kali tahun ini akibat pencemaran dengan yang terbaru berlaku pada 23 Okt lepas akibat pencemaran di Sungai Semenyih yang disyaki berpunca daripada kawasan perindustrian di Nilai.

Penutupan loji itu mengakibatkan gangguan air sementara di beberapa kawasan di Hulu Langat, Kuala Langat, Sepang dan Petaling.

Dalam perkembangan lain, Khalid berkata Balai Polis di Sibul, Sarawak tidak pernah ditutup pada waktu malam dan hanya pagar sahaja yang ditutup atas faktor keselamatan.

"Apa yang berlaku sekarang adalah salah faham orang yang melaporkannya, balai polis di Sibul tidak pernah dikunci mahupun ditutup, cuma pagar sahaja ditutup tapi kalau orang hendak datang buat laporan polis boleh sahaja datang.

"Bukan sahaja pagar balai polis di Sibul ditutup malah balai-balai polis lain yang terpencil juga pagarnya ditutup atas faktor keselamatan," katanya ketika mengulas mengenai salah faham yang berlaku apabila ada pihak yang mendakwa balai itu ditutup pada waktu malam dan tidak beroperasi.

-- BERNAMA



Pembungkus Minyak Masak Guna Tong Diragui Status Halal Untuk Jimat Kos

IPOH, 3 Nov (Bernama) -- Terdapat segelintir pembungkus minyak masak di Perak sanggup menggunakan tong terpakai yang diragui status halalnya semata-mata untuk menjimatkan kos operasi.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan negeri Perak Suhaimi Mat Sari berkata tindakan menggunakan tong terpakai jelas melanggar syarat lesen ditetapkan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

Katanya walaupun pembungkus berkenaan mempunyai sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), tetapi tindakan menggunakan tong terpakai adalah tidak dibenarkan.

"Adalah menjadi satu kesalahan untuk menggunakan tong terpakai kerana kita tidak tahu tong tersebut sebelum ini digunakan untuk mengisi (bahan) apa, halal atau tidak selain kebersihannya diragui.

"Sehubungan itu, kami menasihati semua 24 pembungkus yang ada di Perak supaya tidak sesekali menggunakan tong terpakai bagi mengelak tindakan undang-undang," katanya dalam sidang media di sini Khamis.

Mengenai tindakan penguatkuasaan bagi mengesan pembungkus yang menggunakan tong terpakai, Suhaimi berkata pihaknya telah menahan tiga lelaki berumur lingkungan 50-an di sebuah premis di kawasan perindustrian Jelapang di sini, Rabu.

Beliau berkata dalam serbuan kira-kira 2 petang itu, pihaknya merampas 323 kilogram (kg) minyak masak bernilai RM1,060 untuk keperluan industri yang dibungkus dalam tong terpakai.

Kes ini disiasat di bawah AKB 1961 dan jika sabit kesalahan boleh didenda RM1 juta bagi perseorangan atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali, manakala bagi kesalahan syarikat boleh didenda RM3 juta, katanya.

"Semua tong yang dirampas dihantar ke **Jabatan Kimia** pagi tadi untuk ujian (kandungan sebelum ini), manakala minyak yang dirampas boleh dijual atau dimusnahkan," katanya.

Ditanya mengenai bekalan minyak masak dalam botol di Perak, Suhaimi berkata setakat ini ia mencukupi dan menasihati pengguna supaya tidak melakukan pembelian panik.

"Pengguna tidak perlu panik kerana bekalan mencukupi. Jika ada premis yang kehabisan bekalan contoh hari ini, esok bekalan akan dihantar," katanya sambil menambah kuota minyak masak bersubsidi di Perak adalah 4,000 tan metrik.

Pada 26 Okt lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainudin mengumumkan harga minyak masak paket 1 kg kekal RM2.50 tetapi minyak masak dalam botol dijual mengikut harga pasaran berkuat kuasa 1 Nov.

-- BERNAMA



Sarawak Dijangka Tidak Alami Banjir Teruk - APM

MIRI, 3 Nov (Bernama) -- Sarawak diramal tidak alami banjir teruk seperti tiga tahun lepas, kata Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sarawak Kolonel Mohtar Samat.

Mohtar berkata berdasarkan ramalan **Jabatan Meteorologi** sesetengah kawasan di Sarawak akan menerima taburan hujan yang tinggi tetapi hanya menyebabkan banjir kilat sahaja dan akan kembali sedia kala apabila air surut.

"Musim tengkujuh di Sarawak pada penghujung tahun ini tidak seteruk sehingga mengakibatkan banjir seperti berlaku pada 2013, 2014, 2015 dan awal 2016," katanya kepada pemberita selepas majlis pemakaian pangkat pegawai bersekutu Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri hari ini.

Beliau berkata musim tengkujuh di Sarawak dijangka berlaku mulai bulan ini sehingga pertengahan bulan Januari 2017.

Walaupun tidak diramal banjir teruk di Sarawak, beliau berkata, APM sudah bersiap sedia menghadapi segala kemungkinan menghadapi banjir dengan fokus kepada operasi menyelamatkan di air.

Mohtar berkata sekiranya banjir, APM Sarawak bersedia mengerakkan 1,000 anggotanya pada satu jam pertama bagi membantu mangsa banjir serta operasi lain.

"Setiap daerah di seluruh Sarawak dianggarkan APM Sarawak mempunyai 70 hingga 100 anggota yang akan digerakkan," katanya.

Beliau berkata, dalam tempoh tersebut keseluruhannya sejumlah 5,000 anggota APM akan bertugas mengikut giliran sekiranya berlaku banjir.

Mengenai keperluan helikopter, beliau berkata bantuan udara boleh diberikan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Sarawak, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Untuk rekod, APM Sarawak mempunyai 17,896 pegawai dan anggota.

-- BERNAMA

FLASH FLOODS HIT TAMAN NEGRI BARU

PORT DICKSON: Flash floods left 12 houses in 0.17m of water at Taman Negri Baru, here, early yesterday. A Port Dickson Fire and Rescue Department spokesman said a downpour on Wednesday night caused drains to overflow. He said the situation was under control and advised residents not to venture to areas near swollen drains. **The Malaysian Meteorological Department** yesterday warned of an east northeasterly winds of between 40 and 50kmph and waves as high as 3.5m in the waters off Sarawak, the Federal Territory of Labuan and several places off Sabah until Saturday.



Angin Kencang, Laut Bergelora Sehingga Sabtu

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Angin kencang timur- timur laut berkelajuan 40 hingga 50km sejam (kmsj) dengan ombak setinggi 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan di Sabah (pedalaman, pantai barat dan Kudat) sehingga Sabtu ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata keadaan yang sama dijangka berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Labuan dan Reef South.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

-- BERNAMA